

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
KAWASAN : SELAYANG
TARIKH : 7 NOVEMBER 2017
NO. SOALAN : 50

SOALAN

YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan isu-isu tertunggak selepas pusingan rundingan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) September 2017 dan tarikh jangkaan perjanjiannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga Oktober 2017, sebanyak 20 pusingan rundingan RCEP telah dijalankan. RCEP secara tentatifnya mempunyai 21 bab atau Annex yang dirundingkan seperti berikut:
 - (i) *Preamble;*
 - (ii) *Establishment, Objectives and General Definitions;*

- (iii) *Trade in Goods;*
 - (iv) *Rules of Origin;*
 - (v) *Customs Procedures and Trade Facilitation;*
 - (vi) *Sanitary and Phytosanitary;*
 - (vii) *Standards, Technical Regulations and Conformity Assessment Procedures;*
 - (viii) *Trade in Services;*
 - (ix) *Financial Services;*
 - (x) *Telecommunications Services;*
 - (xi) *Electronic Commerce;*
 - (xii) *Investment;*
 - (xiii) *Economic and Technical Cooperation;*
 - (xiv) *Small and Medium Enterprises;*
 - (xv) *Intellectual Property;*
 - (xvi) *Competition;*
 - (xvii) *Government Procurement;*
 - (xviii) *General Provisions and Exceptions;*
 - (xix) *Institutional Provisions;*
 - (xx) *Dispute Settlement; dan*
 - (xxi) *Final Provisions.*
2. Sebanyak dua Bab telah dimuktamadkan iaitu Bab *Economic and Technical Cooperation* dan Bab *Small and Medium Enterprises*. Bab-bab ini dimuktamadkan masing-masing di pusingan rundingan ke-15 RCEP di Tianjin, Republik Rakyat China dari 11 hingga 21 Oktober 2016 dan Pusingan Rundingan ke-16 RCEP di Tangerang, Indonesia dari 2 hingga 10 Disember 2016. Teks perjanjian RCEP yang lain

masih dirundingkan dengan lebih intensif bagi memastikan ia yang dapat dimuktamadkan secepat mungkin.

3. Secara keseluruhannya, pusingan rundingan ke-19 dan ke-20 meneruskan fokus rundingan kepada akses pasaran dalam bab perdagangan barang, perkhidmatan, pelaburan dan juga peraturan. Walau bagaimanapun, perundingan didapati sukar mencapai kemajuan yang disasarkan kerana para perunding menghadapi kesulitan dalam mencapai kata sepakat dalam beberapa isu utama terutama sekali dalam bab perdagangan barang, perdagangan perkhidmatan, pelaburan, dasar persaingan dan hak harta intelek.
4. Namun begitu, seperti yang telah dilaporkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perundingan Perdagangan (*Trade Negotiating Committee* – TNC) kepada Menteri-menteri RCEP sewaktu Mesyuarat Menteri-menteri RCEP ke-5 pada bulan September yang lalu, masih wujud lagi sebahagian besar isu-isu tertunggak dalam perundingan. Hampir keseluruhan daripada isu-isu tertunggak adalah bersifat teknikal dan ahli RCEP memerlukan lebih masa untuk memperdalam kefahaman dalam artikel-artikel tertentu. Sehubungan itu, Menteri-menteri telah mengarahkan agar ahli RCEP terus berusaha keras untuk mencapai kata sepakat dalam sasaran sepertimana yang terkandung di dalam sasaran yang telah disenaraikan di dalam *RCEP Key Elements for Significant Outcomes by End of 2017*.

Tuan Yang di-Pertua,

5. *RCEP Key Elements for Significant Outcomes by End of 2017* adalah satu dokumen yang dihasilkan oleh ASEAN sebagai rujukan sasaran yang perlu dicapai bagi memastikan rundingan RCEP di dalam pusingan ke 20 ini dapat mencapai hasil yang substantif. Ia merangkumi kedudukan sasaran dan kesepakatan ASEAN dalam isu-isu Akses Pasaran untuk barang, perdagangan, pelaburan dan juga bab-bab peraturan yang lain seperti Peraturan Tempasal, Hak Harta Intelek, *State-Owned Enterprises*, Perolehan Kerajaan, Standard, Sanitari dan Fitosanitari dan Remedi Perdagangan. Kesemua ahli RCEP mengalu-alukan inisiatif oleh ASEAN ini dan mengambil maklum akan kesepakatan ASEAN dalam isu-isu tersebut. Menteri-menteri RCEP turut meminta agar ahli RCEP memberi sumbangan secara positif dan komitmen tinggi bagi mencapai sasaran yang telah dipersetujui ini di dalam rundingan kerana ianya akan menyumbang kepada pembentukan keyakinan bahawa RCEP masih berada di landasan yang betul untuk dimuktamadkan.

6. Pada pengamatan saya, terdapat beberapa cabaran utama yang melengahkan sedikit proses memuktamadkan rundingan RCEP. RCEP telah dua kali melepassi tarikh jangkaan memuktamadkan rundingan yang diputuskan oleh pemimpin-pemimpin negara RCEP iaitu untuk pada tahun 2015 dan kemudiannya tahun 2016. Cabaran

tersebut merangkumi perbezaan besar dari segi tahap cita-cita di kalangan ahli-ahli RCEP yang merumitkan dan melengahkan lagi pencapaian kata sepakat termasuk negara-negara seperti Jepun, Korea, Australia, Australia dan New Zealand yang menginginkan komitmen yang lebih tinggi, manakala China dan India pula memiliki keutamaan yang berbeza-beza. Di samping itu, tidak dinafikan bahawa cabaran yang sama juga wujud dari kalangan negara ASEAN itu sendiri dan agak sukar untuk mencari keseimbangan berdasarkan kepada tahap pembangunan ekonomi yang berbeza di kalangan 10 negara ASEAN. Selain itu, ketiadaan FTA di kalangan negara-negara rakan dialog ASEAN seperti China dan India turut menghalang keupayaan mereka untuk memberikan lebih komitmen dalam bab-bab tertentu.

7. Menteri-menteri RCEP akan bermesyuarat sekali lagi pada bulan November sewaktu Sidang Kemuncak ASEAN ke-31 dan seterusnya akan diikuti oleh Mesyuarat Pemimpin-pemimpin negara RCEP. Justeru, kesemua negara-negara RCEP telah diberi tanggungjawab untuk memperhebatkan lagi rundingan akses pasaran perdagangan barang, perkhidmatan dan pelaburan secara dua hala dan plurilateral di samping memperdalamkan lagi rundingan teks dan peraturan agar rundingan RCEP dapat dimuktamadkan dengan memenuhi nilai-nilai perjanjian perdagangan yang bermakna dan bernilai dari sudut komersial dan moden.